

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1993/1994

Oktober/November 1993

BST 421 - EKOLOGI SUMBER ALAM

Masa: [3 jam]

Jawab LIMA daripada ENAM soalan.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

.../2

(BST 421/3)

1. Garret Hardin (1963) telah memperkenalkan konsep "Commons" dalam penulisannya. Bincangkan falasah konsep ini dan nyatakan bagaimana ia boleh dikaitkan dengan pengeksplotan sumber alam pada masakini.

(20 markah)

2. Kajian "El-Nido" di Filipina telah mengutarakan kepentingan pertimbangan ekonomi dalam pengurusan sumber pantai. Apakah kepentingan dan sumbangan kajian ini? Bincangkan penemuan-penemuan utama yang terdapat padanya.

(20 markah)

3. Seyyed Hossein Nasr (1989) dalam tulisannya bertajuk "Man and Nature: Beyond Current Alternative" telah membincangkan konflik di antara pembangunan dan alam semulajadi. Huraikan model pembangunan yang diutarakan oleh beliau, dan bincangkan bagaimana ia boleh dipergunakan untuk sebuah negara seperti Malaysia.

(20 markah)

4. Jelaskan apa yang dimaksudkan dengan biodiversiti? Kenapakah konsep ini begitu banyak sekali mendapat pendedahan dan perhatian pada masa ini?

(20 markah)

...3/-

(BST 421/3)

5. Tanah adalah suatu sumber yang menjadi semakin terhad dari segi keterdapatannya untuk pelbagai tujuan. Sekiranya anda ditugaskan untuk merangka satu pelan induk guna tanah untuk jangkamasa 20 tahun lagi, apakah aspek-aspek yang anda akan ambilkira. Berikan sokongan yang sewajarnya terhadap hujah-hujah anda.

(20 markah)

6. Apakah kesan alam sekitar pembinaan empangan? Bincangkan kebaikan dan keburukan empangan sebagai cara mendapatkan tenaga.

(20 markah)

-0000000-